

**TRANSFORMASI KURIKULUM KOLEJ
VOKASIONAL DALAM KESEDIAAN MELAHIRKAN *K-WORKER*:
SATU KAJIAN KES KOLEJ VOKASIONAL KLUANG.**

NOR SYUHADA BINTI RUSDI @ ROSDI

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

DISEMBER 2015

*Khas buat keluarga tersayang,
Ayahanda **Rusdi @ Rosdi bin Salimon**
Bonda **Juminah binti Mohd. Sapuan,***

*Buat Kekanda
Zulkefli & Zarina
Anizani & Hussein
Mohd Fuad & Nadzirah
Mohd Hanafi & Hamidah
Ummi Hani & Shahridan*

Doa kalian sentiasa mengiringi kejayaanku hari ini.

*Tidak lupa juga buat tunangku **Sahlan bin Md. Jumaat** yang telah banyak membantu
dengan penuh kesabaran*

*Buat teman-teman seperjuangan, semoga kebahagiaan dan kejayaan sentiasa mengiringi
kita semua.*

Terima kasih di atas segala sokongan dan pengorbanan yang telah kalian berikan.

Semoga Allah sentiasa mencucuri rahmat ke atas kita semua...

Amin...

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Syukur ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan dan menyempurnakan tesis ini dengan jayanya.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia projek saya, Prof. Dr. Jailani bin Md. Yunos atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan perhatian yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak lupa juga kepada para panel penilai, Prof. Madya Dr. Razali bin Hassan dan juga Pn. Anizam bin Mohamad Yusof yang telah memberi teguran yang memberansangkan bagi menghasilkan kajian ini. Seterusnya, para pensyarah di Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional yang memberikan tunjuk ajar dan pandangan selama ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan, guru dan pelajar Kolej Vokasional Kluang yang sedia memberikan kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada semua ahli keluarga, rakan-rakan seperjuangan dan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Semoga ALLAH melimpahkan rahmat-Nya ke atas jasa dan budi anda semua.

ABSTRAK

Dalam mencapai taraf sebuah negara maju, institusi pendidikan perlulah melahirkan graduan yang mahir melakukan pelbagai pekerjaan, selain itu dalam menempuh era ekonomi baru, *k-worker* ataupun pekerja berpengetahuan menjadi aset penting dalam memenuhi keperluan negara membangun. Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk mengenalpasti persepsi guru KV Kluang mengenai pelaksanaan kurikulum KV dari jati diri, ilmu dan kompetensi kompetitif dalam kesediaan melahirkan *k-worker* dalam kalangan pelajar tahun akhir KV Kluang. Selain itu juga, kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap jati diri, ilmu dan kompetensi kompetitif dalam diri pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker* berdasarkan persepsi pelajar. Seramai 127 orang pelajar tahun akhir KV Kluang dan tiga orang guru KV Kluang telah dipilih untuk menjadi responden dalam kajian ini. Antara instrument yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik diedarkan kepada pelajar tahun akhir KV Kluang dan temubual tiga orang guru KV Kluang. Seterusnya, data kajian soal selidik telah dirumuskan dalam bentuk deskriptif iaitu kekerapan, peratusan, sisihan piawai dan min. Manakala data temubual dikumpulkan mengikut kod yang ditetapkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap jati diri, ilmu dan kompetensi kompetitif pelajar tahun akhir KV Kluang adalah berada pada tahap tinggi dalam kesediaan menjadi *k-worker*. Adalah diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dan beberapa cadangan yang telah dikemukakan bagi kajian lanjutan dalam meningkatkan kualiti graduan pada masa akan datang.

ABSTRACT

In achieving the status of a developed country, educational institutions must produce graduates who are skilled to do a variety of jobs, in addition to taking the new economic era, k-worker or knowledge workers become an important asset in meeting the needs of developing countries. The aim of this study was to identify the perceptions of teachers regarding the transformation of the KV curriculum on identity, the self-esteem, knowledge and competitive competencies in producing k-worker readiness among students in the final year of KV Kluang. In addition, this study was to identify the level of self-esteem, knowledge and competitive competencies among the students-in KV Kluang in readiness to k-worker. A total of 127 KV final year students and three teachers from KV Kluang were selected to be respondents in this study. Among the instruments used in this study was a questionnaire distributed to students in the KV Kluang and interview three teachers KV Kluang. Furthermore, the survey data is encapsulated in the description of frequency, percentage, standard deviation and the mean. While the interview data collected in accordance with a prescribed code. The results showed that the level of self-esteem, knowledge and competitive competencies of KV Kluang final year students is at the high level of readiness to k-worker. It is hoped that this study will be beneficial to all parties involved.

KANDUNGAN

	ABSTRAK	v
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	v
	SENARAI RAJAH	xv
	SENARAI SINGKATAN	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang masalah	4
	1.3 Pernyataan masalah	6
	1.4 Tujuan kajian	7
	1.5 Objektif kajian	7
	1.6 Persoalan kajian	8
	1.7 Kerangka konsep kajian	9
	1.8 Skop kajian	12
	1.9 Batasan kajian	12
	1.10 Definisi istilah dan pengoperasian	14
	1.11 Rumusan	1
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	

2.1	Pengenalan	18
2.2	Kurikulum Kolej Vokasional	18
2.2.1	Pengenalan Kurikulum Kolej Vokasional	22
2.2.2	Objektif Pelaksanaan Kurikulum Kolej Vokasional	24
2.2.3	Konsep Kurikulum Kolej Vokasional	26
2.3	Komponen Kurikulum Kolej Vokasional	31
2.3.1	Komponen Jati Diri	32
2.3.2	Komponen Ilmu	33
2.3.3	Komponen Kompetensi Kompetitif	22
2.4	<i>K-worker</i>	34
2.4.1	Pengenalan <i>K-worker</i>	35
2.4.2	Peranan <i>K-worker</i>	37
2.4.3	Ciri-ciri <i>K-worker</i>	55
2.5	Rumusan	55

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	43
3.2	Reka bentuk kajian	43
3.3	Populasi dan sampel kajian	44
3.3.1	Populasi kajian	47
3.3.2	Sampel kajian	55
3.4	Lokasi kajian	48

3.5	Instrumen kajian	49
3.5.1	Borang soal selidik	55
3.5.2	Temu bual	66
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	52
3.6.1	Kesahan Instrumen Kajian	55
3.6.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	55
3.6.3	Kajian rintis	
3.7	Pemboleh ubah kajian	56
3.8	Analisis data	56
3.8.1	Penganalisan data kuantitatif	57
3.8.2	Penganalisan data Kualitatif	55
3.9	Rumusan	59

BAB 4 ANALISIS DATA

4.1	Pengenalan	60
4.2	Demografi responden	62
4.2.1	Jantina	63
4.2.2	Program	64
4.3	Dapatan kajian	68
4.3.1	Meninjau persepsi guru terhadap pelaksanaan transformasi kurikulum kolej vokasional dari segi jati, ilmu dan kompetensi kompetitif yang dilaksanakan di KV Kluang dalam kesediaan melahirkan <i>k-worker</i>	55
4.3.2	Analisis tahap jati diri pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi <i>k-worker</i>	78
4.3.3	Analisis tahap ilmu pelajar tahun akhir KV	

	Kluang dalam kesediaan menjadi <i>k-worker</i>	89
4.3.4	Analisis tahap kompetensi kompetitif pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi <i>k-worker</i>	90
4.4	Rumusan	91
BAB 5	PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	95
5.2	Perbincangan dan kesimpulan	94
5.3	Meninjau pelaksanaan transformasi kurikulum kolej vokasional dari segi jati, ilmu dan kompetensi kompetitif yang dilaksanakan di KV Kluang mengikut persepsi guru dalam kesediaan melahirkan <i>k-worker</i> dalam kalangan pelajar tahun akhir.	55
5.3.1	Persepsi guru terhadap pelaksanaan transformasi kurikulum kolej vokasional dari segi jati yang dilaksanakan di KV Kluang dalam kesediaan melahirkan <i>k-worker</i> dalam kalangan tahun akhir.	95
5.3.2	Persepsi guru terhadap pelaksanaan transformasi kurikulum kolej vokasional dari ilmu yang dilaksanakan di KV Kluang dalam kesediaan melahirkan <i>k-worker</i> dalam kalangan tahun akhir.	56
5.3.3	Persepsi guru terhadap pelaksanaan transformasi kurikulum kolej vokasional dari ilmu yang dilaksanakan di KV Kluang dalam kesediaan melahirkan <i>k-worker</i> dalam kalangan tahun akhir	55

- 5.4 Mengenal pasti tahap jati diri mengikut persepsi pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker* 102
- 5.4.1 Tahap jati diri mengikut persepsi pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker* : Aspek Komunikasi 103
- 5.4.2 Tahap jati diri mengikut persepsi pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker* : Aspek Patriotisme
- 5.4.3 Tahap jati diri mengikut persepsi pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker* : Aspek Sahsiah
- 5.5 Mengenal pasti tahap jati diri mengikut persepsi pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker* 102
- 5.5.1 Tahap ilmu mengikut persepsi pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker* : Aspek Aplikasi Komputer
- 5.4.2 Tahap ilmu mengikut persepsi pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker* : Aspek Kreativiti
- 5.4.3 Tahap ilmu mengikut persepsi pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker* : Aspek Inovasi
- 5.6 Mengenal pasti tahap kompetensi kompetitif mengikut persepsi pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker* 102
- 5.6.1 Tahap ilmu mengikut persepsi pelajar

	tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi <i>k-worker</i> : Aspek Kompetensi bekerja	22
5.6.2	Tahap ilmu mengikut persepsi pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi <i>k-worker</i> : Aspek Kompetensi Keusahawanan 22	
	5.6.3 Tahap ilmu mengikut persepsi pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi <i>k-worker</i> : Aspek Kompetensi Insaniah	55
5.7	Cadangan	104
	5.7.1 Cadangan terhadap kajian	104
	5.5.2 Cadangan terhadap kajian lanjutan	105
5.6	Penutup	106
	RUJUKAN	108
	LAMPIRAN	116

SENARAI JADUAL

3.1	Jumlah Populasi dan Sampel Kajian	32
3.2	Skala Liker	35
3.3	Senarai Pakar dan Komen	38
3.4	Interpretasi Skor Bagi Nilai Alpha Cronbach	39
3.5	Kaedah Analisis Data	42
3.6	Interpretasi Skor Min	42
4.1	Taburan responden mengikut jantina	48
4.2	Taburan responden mengikut program	49
4.3	Dapatan temu bual mengenai jati diri pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan melahirkan <i>k-worker</i>	51
4.4	Dapatan temu bual mengenai ilmu pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan melahirkan <i>k-worker</i>	53
4.5	Dapatan temu bual mengenai kompetensi kompetitif pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan melahirkan <i>k-worker</i> .	54
4.6	Analisis Komponen Jati Diri	56
4.7	Aspek Komunikasi	60
4.8	Aspek Patriotisme	61
4.9	Aspek Sahsiah	63
4.10	Analisis Komponen Ilmu	65
4.11	Aspek Aplikasi Komputer	68
4.12	Aspek Kreativiti	70
4.13	Aspek Inovasi	71
4.14	Analisis Komponen Kompetensi Kompetitif	73
4.15	Aspek Kompetensi bekerja	76
4.16	Aspek Kompetensi Keusahawanan	77
4.17	Aspek Kompetensi Insaniah	79
4.18	Analisis Keseluruhan Komponen Kurikulum	8

SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka konsep kajian	9
3.1	Pembolehubah Kajian	41
3.2	Prosedur Mengkategorikan Data Temu bual	45

SENARAI SINGKATAN

BPTV	-	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
KV	-	Kolej Vokasional
K-WORKER	-	Knowledge Worker
MPAT	-	Mata Pelajaran Aliran Teknik
MPAV	-	Mata Pelajaran Aliran Vokasional
NOSS	-	<i>National Occupational Skills Standard</i>
P&P	-	Pengajaran & Pembelajaran
PKM	-	<i>Personal Knowledge Management</i>
SMT	-	Sekolah Menengah Teknik
SMV	-	Sekolah Menengah Vokasional
SKM 1	-	Sijil Kemahiran Malaysia 1
SKM 2	-	Sijil Kemahiran Malaysia 2
SPSS	-	<i>Statistical Package for the Social Sciences</i>

SENARAI LAMPIRAN

A1	Carta Gantt Projek Sarjana 1
A2	Carta Gantt Projek Sarjana 2
B	Jadual Kreicie & Morgan
C1	Borang soal selidik (Pelajar)
D	Pengesahan pakar
E	Analisis kajian rintis
F	Surat kebenaran kajian
G	Skrip Temu bual
H	Dapatan kajian

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Wawasan 2020 telah menjadi satu aspirasi dan cabaran negara yang perlu dicapai oleh rakyat Malaysia. Sejak itu perubahan demi perubahan berlaku di negara kita dalam proses mencapai Wawasan 2020. Dalam mencapai taraf sebuah negara maju, pelbagai keperluan perlu dipenuhi dalam masa terdekat ini dan proses ini melibatkan seluruh rakyat Malaysia agar aspirasi ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Keperluan yang dimaksudkan bukan hanya tertumpu kepada keperluan fizikal sahaja malah ia melibatkan keperluan-keperluan lain. Salah satu keperluan yang penting adalah pendidikan yang mantap.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) juga tidak ketinggalan membantu dalam usaha mencapai hasrat wawasan negara. Perubahan demi perubahan dalam kurikulum dengan menerapkan komponen-komponen yang baru selaras dengan perkembangan dunia semasa yang berlaku dengan pantas bagi memastikan perubahan kurikulum yang dilakukan adalah relevan. Diharap dengan perubahan ini akan berlaku perubahan yang diharapkan demi mencapai hasrat negara seperti di dalam sebuah rencana yang dipetik dari Rosleh (2010) yang bertajuk ‘Pendidikan Sebagai Satu Industri’ ada mengatakan bahawa, “Selepas kemerdekaan sistem pendidikan negara telah banyak melalui banyak perubahan, bermula dengan dasar untuk menyediakan peluang belajar kepada setiap rakyat, dunia pendidikan kita berkembang pesat dan kompleks. Matlamatnya juga

sudah melewati dimensi baru dan lebih daripada sekadar memberi ilmu kepada masyarakat”.

Pada masa kini negara kita merupakan sebuah negara yang sedang membangun ke arah mencapai status negara maju selaras dengan Wawasan 2020. Selaras dengan perubahan dari negara pertanian kepada negara perindustrian, keperluan teknikal amat penting untuk disediakan oleh pihak kerajaan. Oleh yang demikian semakin ramai ahli-ahli teknologi, jurutera dan pekerja yang cekap dan mahir diperlukan untuk mengendalikan sesuatu bidang kerja teknikal.

Persediaan untuk perubahan negara pertanian kepada negara perindustrian memerlukan perancangan yang rapi bagi memastikan matlamat yang hendak dicapai berjaya. Persediaan ini tidak dapat lari daripada melalui saluran pendidikan yang secara langsung memberi pendidikan secara khusus kepada para pelajar. KPM telah diberi mandat sepenuhnya oleh kerajaan untuk memikul tanggungjawab bagi melahirkan generasi muda yang berteknologi. Melalui BPTV, KPM telah menyediakan satu sistem pembelajaran yang berasaskan *'hands on'* kepada pelajar bagi mempelbagaikan sistem pendidikan di Malaysia.

Usaha-usaha peningkatan kualiti dan produktiviti perlu ditingkatkan lagi pada masa hadapan kerana negara akan memasuki era *K-Worker*. Menjelang abad ke 21, Malaysia kini telah menuju ke arah globalisasi daripada pelbagai aspek tidak kira daripada aspek ekonomi, pendidikan, budaya mahupun politik. Sejalan dengan perkembangan ekonomi pada masa kini, teknologi maklumat telah menjadi salah satu rujukan dan medium bagi menambah ilmu pengetahuan bagi memajukan negara. Dalam menempuh era ekonomi baru, k-worker ataupun pekerja berpengetahuan menjadi aset penting dalam memenuhi keperluan negara membangun. Pelbagai usaha peningkatan produktivi dan kualiti telah giat dijalankan bagi melahirkan golongan-golongan pekerja berpengetahuan. Selain dapat melahirkan golongan pekerja yang berpengetahuan, aspek-aspek seperti falsafah dan kemahiran teknologi maklumat telah diserapkan supaya golongan k-worker ini bukan hanya mempunyai kemahiran dan ilmu pengetahuan yang tinggi bahkan mempunyai sikap dan akhlak yang mulia selain berkebolehan dalam bidang teknologi maklumat sejajar dengan era ekonomi yang berasaskan pengetahuan

Di dalam usaha untuk menjadikan *K-worker*, sesebuah negara memerlukan tenaga kerja majoriti yang mampu bekerja dengan bersungguh-sungguh, kreatif dan mempunyai daya berinovasi yang tinggi. Pengetahuan yang menjadi asas kepada *K-worker* bukanlah sekadar “apa-apa yang di pelajari atau dialami”, tetapi juga bagaimanakah apa yang telah dipelajari dan dialami itu diaplikasi secara berterusan. Globalisasi membuka ruang kepada persaingan sengit antara individu, firma dan negara sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Persaingan dalam dunia perniagaan mendesak firma memiliki “*k-workers*”. Pendidikan dan latihan menjadi ejen penting dalam melahirkan tenaga kerja yang diperlukan. Dalam konteks Malaysia, persoalannya adakah institusi latihan berjaya melahirkan ciri – ciri tenaga kerja yang diperlukan oleh pasaran.

1.2 Latar Belakang Masalah

Jati diri bermaksud individu yang mempunyai kesejatian, ketulenan dan keaslian nilai dan konsep diri. Jati diri sering berhubungkait dengan konsep pengukuhan dan penghayatan yang tulus, kepercayaan yang mendalam dan tidak berbelah bahagi serta pengukuhan yang bermanfaat. Ia disusuli pula dengan penghayatan, penilaian, azam, usaha, meninggalkan amalan keji dan melakukan yang terbaik. Justeru dapat disimpulkan bahawa jati diri adalah konsep yang menggambarkan sikap yang baik.

Komunikasi adalah sesuatu yang penting dalam kehidupan seharian. Melalui komunikasi, seseorang dapat menyampaikan idea, berkongsi pendapat dan berinteraksi dengan masyarakat. Seseorang itu dianggap mempunyai kecekapan berkomunikasi yang baik apabila seseorang itu mempunyai pengetahuan yang mendalam dan boleh menggunakan bahasa tersebut untuk tujuan berkomunikasi secara spontan dan bersesuaian dengan tatabahasanya. Menurut Idris *et al.* (2009), kebanyakan bakal graduan setelah tamat pengajian kurang menguasai kemahiran komunikasi, di mana kemahiran komunikasi merupakan komponen yang penting dalam pengurusan sesebuah organisasi. Selain itu juga, masalah utama yang sering diluahkan oleh majikan atau industri ialah graduan lemah dalam kemahiran berkomunikasi menggunakan bahasa inggeris (Judge *et al.*, 2010). Menurut kajian Ismail (2012), antara punca graduan menganggur adalah disebabkan oleh kelemahan kemahiran berkomunikasi, ketrampilan diri serta kemahiran dalam bidang yang diceburi. Kelemahan ini bukan sahaja akan menyebabkan graduan tidak berjaya untuk

mendapatkan pekerjaan yang sepadan dengan kelulusan, malah akan menyebabkan kurangnya daya saing di peringkat global.

Patriotisme dan aspek-aspek kenegaraan adalah nilai-nilai penentu kepada jati diri rakyat dan riwayat sesebuah negara bangsa. Pengaplikasikan konsep patriotisme dalam kehidupan dan mewujudkan warga yang tinggi jati diri, cintakan negara dan sanggup berjuang mempertahankan dan memakmurkan negara. Sejak belakangan ini, terdapat pendapat yang mula membincangkan tentang penglibatan generasi muda dalam aktiviti-aktiviti yang boleh merosakkan keutuhan struktur masyarakat di negara ini seperti melakukan demonstrasi jalanan yang turut merosakkan kemudahan sekeliling. Menurut Ghani *et al.*, (2003), sesetengah warga dilihat tidak memiliki semangat patriotik, jiwa kelihatan lesu, tidak bersemangat dan membudayakan cara ikut-ikutan serta berseronok sahaja. Untuk melahirkan k-worker di kalangan graduan KV, seorang itu mestilah mempunyai semangat patriotisme dalam diri.

Sejak akhir-akhir ini, gejala sosial di Malaysia nampaknya semakin merebak dan melarat. Jika dahulu kala setiap kali isu sosial ini timbul, masyarakat akan terus mencemuh dan mengaitkannya dengan kebudayaan kehidupan Barat. Sikap sebahagian pihak pentadbiran institusi-institusi pendidikan dan juga pengajar-pengajar yang hanya mementingkan kepada kecemerlangan akademik semata-mata haruslah diperbetulkan di mana aspek pembangunan insan dan penerapan nilai harus diberikan perhatian yang menyeluruh bagi melahirkan pelajar yang cemerlang dan bersahsiah tinggi. Sehubungan itu, mendapati bahawa masih ramai guru yang tidak dapat menerapkan nilai-nilai murni semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) berlangsung (Junoh, 2011)

Perkembangan kreativiti bermaksud aktiviti-aktiviti yang kreatif secara logik, membina daya imaginasi dan boleh member pandangan merupakan fokus pengisian abad ke-21 selain daripada penguasaan pengetahuan dan kemahiran asas. Dengan kreativiti yang ada, seseorang akan dapat menghasilkan pelbagai idea yang baru, memecahkan dan menyelesaikan masalah dengan teratur dan juga dapat menolong seseorang menjadi lebih tenang sepanjang sedang berfikir dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. Dalam konteks realiti masa kini, kreativiti dan inovasi masih belum benar-benar diaplikasikan dan dimasyarakatkan. Melalui kajian Sahari *et al.* (2011), terdapat pelbagai halangan yang dihadapi dalam usaha kita untuk memupuk kreativiti dalam bilik darjah antaranya ialah sistem pendidikan, guru dan rakan sebaya. Walaupun pelbagai pembaharuan telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian

Pelajaran Malaysia untuk membantu guru mengembangkan kreativiti pelajar, namun kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa para guru gagal meningkatkan kreativiti pelajar dalam bilik darjah. Salah satu kajian tersebut ialah kajian yang telah dijalankan oleh (Aziz *et al.*, 2004) matlamat kajian ini ialah untuk mengenalpasti persediaan dan pelaksanaan seseorang guru menerapkan Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK) di dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup ERT.

Untuk memastikan Malaysia dapat mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju, negara memerlukan sumber tenaga manusia yang mampu melaksanakan tugas yang pelbagai di bawah keadaan tekanan kerja yang tinggi. Rentetan daripada itu, majikan memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran tertentu dalam memenuhi keperluan dan tuntutan bebanan kerja dalam persekitaran kerja yang mencabar. Dengan kata lain negara amnya dan majikan khususnya memerlukan pekerja yang mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dalam menghadapi cabaran ini.

Pada masa kini, masih terdapat segelintir individu yang tidak menceburi bidang keusahawanan ini kerana pada pandangan mereka bidang ini tidak dapat memberikan jaminan masa depan yang cerah seperti mana jika mereka bekerja makan gaji dalam sektor awam mahupun swasta (Mustapha *et al.*, 2011). Ini berlaku kerana kurangnya pendedahan terhadap ilmu berkaitan keusahawanan dalam diri pelajar. Namun begitu, menurut Warman *et al.* (2010), kurangnya penglibatan belia dalam bidang keusahawanan ini adalah kerana kurangnya penghayatan tentang konsep dan falsafah keusahawanan dalam diri individu itu sendiri. Kini, terdapat banyak institusi-institusi pendidikan tinggi yang sedar akan kepentingan penerapam kemahiran keusahawanan diperingkat pengajian tinggi, maka pelbagai cara dan kaedah dilakukan untuk menerapkan ilmu ini bagi menggalakkan pelajar menceburi bidang keusahawanan. Namun begitu, masih terdapat pelajar yang kurang pemahaman tentang konsep keusahawanan yang menyebabkan penglibatan mereka dalam bidang ini masih kurang (Nasharudin & Harun, 2010). Menurut Wahab & Al-Amin (2013), terdapat beberapa faktor utama yang menyebabkan kurangnya penglibatan usahawan dalam bidang keusahawanan ini, iaitu kekurangan modal, kos tetap yang tinggi dan kemelesetan ekonomi. Selain itu, menurutnya lagi terdapat golongan usahawan dari kalangan graduan yang tidak terlibat dalam bidang keusahawanan ini kerana kurangnya ilmu keusahawanan untuk membantu semasa berniaga.

Kemahiran insaniah merupakan elemen yang penting dalam memenuhi sumber manusia yang berkompeteren dalam keperluan global (Adnan, 2005) serta ia perlu memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu modal insan yang seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Kelemahan dalam penguasaan kemahiran insaniah bagi bakal graduan akan memberikan kesan kepada diri sendiri dan keperluan pasaran kini hendak menghasilkan pekerja yang produktif dan berpengetahuan luas. Menurut Turner (2000), kemahiran insaniah di alam pekerjaan yang paling dikehendaki oleh majikan ialah kebolehan bekerja berpasukan, kemahiran berkomunikasi serta keupayaan untuk pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah. Para bekas graduan harus menggunakan pengetahuan teori-teori pembelajaran serta memiliki kemahiran insaniah yang tinggi di alam pekerjaan, tetapi kebanyakan graduan kini kurang mengambil berat mengenai isu kekurangan kemahiran insaniah yang boleh menyebabkan berlaku pengangguran yang kian meruncing. Salah satu kenyataan yang dinyatakan oleh Esa dan Mustafa (2010) bahawa masalah pengangguran berlaku ialah graduan merasakan belum lagi memikirkan masalah ini disebabkan mereka belum menempuh alam pekerjaan dan sekarang hanya menumpukan pada pelajaran sahaja. Selain daripada itu, pengangguran di kalangan graduan disebabkan kekurangan pembelajaran kemahiran insaniah di peringkat pengajian tinggi semasa dalam proses pengajaran dan pembelajaran seharian (Quek, 2005).

1.3 Penyataan Masalah

Kebanyakan graduan yang berpeluang menapak ke alam pekerjaan terpaksa bermula dari bawah. Hal ini adalah disebabkan oleh graduan yang dihasilkan tidak menepati kriteria yang diperlukan oleh majikan. Selain itu, majikan juga memerlukan pekerja yang memiliki nilai murni yang baik, ilmu dan kompetensi.

Kolej Vokasional merupakan salah sebuah institusi pendidikan yang bertanggungjawab melahirkan pekerja mahir dan separa mahir untuk memenuhi keperluan sektor industry khususnya dalam bidang kejuruteraan. Berdasarkan pada pelan transformasi kolej vokasional, 70 peratus graduan dari KV akan menempuh ke alam pekerjaan, 20 peratus graduan akan sambung pelajaran dan 10 peratus akan berniaga. (BPTV, 2012).

Oleh itu, satu kajian perlu dilakukan untuk mengkaji persepsi guru kolej vokasional Kluang terhadap transformasi kurikulum kolej vokasional untuk melahirkan *k-worker* dalam kalangan pelajar tahun akhir KV Kluang. Selain itu, mengkaji tahap jati diri, ilmu dan kompetensi kompetitif pelajar tahun akhir Kolej Vokasional Kluang bagi kesediaan menjadi *k-worker*.

1.4 Tujuan Kajian

Dalam kajian ini penyelidik ingin mengenalpasti persepsi guru KV Kluang mengenai kurikulum KV dari jati diri, ilmu dan kompetensi kompetitif dalam kesediaan melahirkan *k-worker* dalam kalangan pelajar tahun akhir KV Kluang. Selain itu juga, penyelidik juga ingin mengenalpasti tahap jati diri, ilmu dan kompetensi kompetitif dalam diri pelajar tahun akhir KV Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker*.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- (i) Meninjau transformasi kurikulum kolej vokasional dari segi jati diri, ilmu dan kompetensi kompetitif yang dilaksanakan di Kolej Vokasional Kluang mengikut persepsi guru dalam kesediaan melahirkan *k-worker* dalam kalangan pelajar tahun akhir.
- (ii) Mengenal pasti tahap jati diri dari segi komunikasi, patriotisme dan sahsiah mengikut persepsi pelajar tahun akhir Kolej Vokasional Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker*.
- (iii) Mengenal pasti tahap ilmu dari segi aplikasi, kreativiti dan inovasi mengikut persepsi pelajar tahun akhir Kolej Vokasional Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker*.
- (iv) Mengenal pasti tahap kompetensi kompetitif dari segi kompetensi bekerja, kompetensi keusahawanan dan kompetensi insaniah mengikut persepsi pelajar tahun akhir Kolej Vokasional Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker*.

1.6 Persoalan Kajian


Secara umumnya, persoalan kajian ini meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Apakah persepsi guru Kolej Vokasional Kluang terhadap transformasi kurikulum kolej vokasional dari segi jati diri, ilmu dan kompetensi kompetitif dalam kesediaan melahirkan *k-worker* dalam kalangan pelajar tahun akhir di kolej vokasional tersebut?
- (ii) Sejauh manakah tahap jati diri dari segi komunikasi, patriotisme dan sahsiah mengikut persepsi pelajar tahun akhir Kolej Vokasional Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker*?
- (iii) Sejauh manakah tahap ilmu dari segi aplikasi, kreativiti dan inovasi mengikut persepsi pelajar tahun akhir Kolej Vokasional Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker*?
- (iv) Sejauh manakah tahap kompetensi kompetitif dari segi kompetensi bekerja, kompetensi keusahawanan dan kompetensi insaniah mengikut persepsi pelajar tahun akhir Kolej Vokasional Kluang dalam kesediaan menjadi *k-worker*?

1.7 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep seperti Rajah 1.0 menjadi asas kajian bagi penyelidik dalam melaksanakan kajian ini. Kerangka konsep ini dibina bagi mengkaji transformasi kurikulum kv dalam kesediaan melahirkan k-worker dalam kalangan pelajar tahun akhir KV Kluang.

Antara komponen yang terdapat dalam kurikulum kv adalah jati diri, ilmu dan kompetensi kompetitif. Dari segi komponen jati diri terdapat tiga elemen iaitu komunikasi, patriotism dan sahsiah. Manakala dari segi komponen ilmu terdapat tiga elemen antaranya ialah aplikasi komputer, kreativiti dan inovasi. Dari segi komponen kompetensi kompetitif juga terdapat tiga elemen iaitu kompetensi bekerja, kompetensi keusahawanan dan kompetensi insaniah.



Rajah 1.0 Kerangka Konsep Kajian

(Sumber: Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional KPM .2011
& Loose. 2001)

1.7 Skop Kajian

Kajian yang dilakukan oleh penyelidik merupakan kajian yang memfokuskan pada tiga komponen dalam transformasi kurikulum KV iaitu dari segi jati diri, ilmu dan kompetensi kompetitif bagi kesediaan melahirkan k-worker dalam kalangan pelajar tahun akhir KV Kluang.

1.8 Batasan Kajian

Dalam kajian ini pengkaji menumpukan kepada pelajar tahun akhir yang sedang belajar di Kolej Vokasional Kluang dan guru yang mengajar di Kolej Vokasional Kluang. Penyelidik memilih semua pelajar tahun akhir di kolej tersebut yang terdiri daripada pelajar dari program Diploma Pemesinan Industri, Teknologi Kimpalan,

Teknologi Automotif, Teknologi Penyejukbekuan dan penyaman udara, Teknologi Elektrik dan Teknologi Ektronik. Penyelidik memilih Kolej Vokasional Kluang kerana kolej vokasional tersebut merupakan kolej vokasional perintis untuk negeri Johor yang dilaksanakan pada tahun 2012. Selain itu, penyelidik juga telah memilih tiga orang guru di kolej vokasional tersebut untuk di temu bual.

1.9 Definisi Pengoperasian

1.9.1 Transformasi Kurikulum

Transformasi kurikulum pendidikan vokasional merupakan usaha merekayasa (*reengineering*) sistem pendidikan vokasional sedia ada sehingga terbina system pendidikan vokasional baharu yang dapat menyumbang kepada agenda transformasi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Menurut Abdullah (2013), menyatakan bahawa kurikulum mengandungi semua pembelajaran yang diinginkan dan dirancang untuk pelajar atau sekumpulan pelajar. Melalui kajian ini transformasi kurikulum KV merangkumi tiga komponen iaitu:

(i) Jati diri

Jati diri secara amnya membawa maksud rangkuman nilai, budaya, bahasa, pegangan, fahaman, dan pandangan jagat sesuatu kaum. Menurut Ibrahim (2010), jati diri ialah nilai-nilai yang akan membentuk watak dan sifat peribadi, cara berfikir, cara hidup dan penampilan diri yang melambangkan tradisi 13bangsa dan jati diri kaumnya. Di dalam kajian ini komponen jati diri adalah dari segi komunikasi, patriotisme dan sahsiah.

(ii) Ilmu

Prof Dr Syed Naquib Alattas telah mendefinisikan ilmu sebagai ketibaaan makna dalam diri seseorang yang menyebabkan berlaku perubahan berdasarkan ilmu yang diperolehi. Secara umumnya, ilmu didefinasikan sebagai pengetahuan dan kepandaian mengenai sesuatu bidang yang disusun secara bersistem menurut kaedah dan metod tertentu yang dapat digunakan untuk menerangkan yang berkait dengan bidang ilmu tersebut.

(iii) Kompetensi kompetitif.

Kompetensi kompetitif merupakan satu set kemahiran, pengetahuan yang berkaitan dan sifat yang membenarkan seorang individu mempersembahkan satu kerja atau satu kegiatan dalam satu fungsi khas atau kerja. Menurut Diniaty (2006), kompetensi terdiri daripada ciri-ciri sifat, kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk pelaksanaan kerja yang cekap atau unggul.

1.9.2 Kolej Vokasional

Institusi pendidikan yang menawarkan kursus-kursus kejuruteraan di Kolej Vokasional. Institusi ini dikelolakan oleh Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). KV berasal dari Sekolah Menengah Vokasional yang telah dinaik taraf pada tahun 2012. Dalam kajian ini KV merupakan institusi yang dijadikan sebagai pusat pengajaran dan pembelajaran (BPTV, 2013).

1.9.3 K-worker

K-worker merupakan singkatan dari perkataan Bahasa Inggeris iaitu "*Knowledge Worker*". Pengetahuan ini diperolehi oleh pekerja sama ada secara formal ataupun secara tidak formal. Informasi atau maklumat itu hanya akan menjadi pengetahuan jika seseorang itu boleh menggunakannya untuk menambah atau menghasilkan nilai untuk kerjanya atau organisasi (Schneckenberg, 2009). Istilah *K-worker* ini juga telah diperkenalkan oleh Peter Drucker pada tahun 1959. *K-worker* bukan hanya sekadar pekerja yang berpengetahuan, terlatih dan berkebolehan bahkan seseorang yang inovatif dan kreatif dengan cara kerja, latihan atau pembelajaran yang diperlukan dan mengetahui bagaimana untuk meningkatkan atau menghasilkan nilai baru dalam kerjayanya (Schneckenberg, 2009).

1.10 Rumusan

Bab ini telah menghuraikan pengenalan, latar belakang masalah yang ingin dikaji, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian dan konsep kajian yang digunakan dalam kajian ini. Bab satu telah menerangkan secara ringkas keseluruhan isi kandungan kajian ini. Keterangan yang selanjutnya dibincangkan dalam bab dua hingga bab lima.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan salah satu bab yang penting kepada seorang penyelidik bagi menjalankan penyelidikan. Oleh yang demikian, bab ini menyatakan ulasan daripada karya penulis menerusi penghasilan buku ilmiah, sumber dari internet dan juga kajian para penyelidik terdahulu diimbaskan kembali dan hasil dapatannya dicatatkan sebagai rujukan kepada penyelidik. Sumber-sumber ini amat penting dan berguna sebagai rujukan tambahan kepada penyelidik agar setiap penyelidikan yang dijalankan menjadi lebih diyakini dengan bukti-bukti yang kukuh untuk menyokong hujah-hujah yang dibincangkan. Kajian ini juga menumpukan kepada pelaksanaan transformasi kurikulum kolej vokasional bagi kesediaan melahirkan k-worker.

2.2 Kurikulum Kolej Vokasional

2.2.1 Pengenalan Kurikulum Kolej Vokasional

Fungsi pendidikan, satu daripadanya, ialah melahirkan sumber manusia yang berilmu, terlatih dan berketerampilan. Bagaimanapun pelajar berusia remaja di pendidikan menengah tidak dibekalkan dengan kemahiran untuk menjadi ‘tenaga rakyat’ atau menjadi pekerja yang produktif yang memiliki kemahiran teknik dan kemahiran vokasional. Kurikulum pendidikan teknik dan pendidikan vokasional

diterapkan secara intensif di sekolah menengah teknik (SMT) menerusi mata pelajaran aliran teknik (MPAT), dan di sekolah menengah vokasional (SMV) menerusi mata pelajaran aliran vokasional (MPAV) dan aliran kemahiran. Kurikulum kedua-dua aliran iaitu aliran teknik dan aliran vokasional, tidak juga mempersiapkan murid menjadi pekerja separuh mahir atau pekerja mahir bertauliah serta mendapat pengiktirafan industri atau badan-badan profesional. Murid sebaliknya dianugerahkan Sijil Pelajaran Malaysia. Sijil ini bukan sahaja tidak dapat menjelaskan kemahiran vokasional yang dimiliki oleh pemegangnya, malah tidak dapat melayakkan mereka melanjutkan pengajian ke peringkat diploma politeknik tanpa memenuhi kriteria artikulasi yang tertentu yang ditetapkan oleh institusi pengajian tinggi itu.

Pelajar yang menjalani kurikulum aliran kemahiran yang ditetapkan oleh *National Occupation Skills Standard* (NOSS) dan disediakan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, dipersiapkan dengan kemahiran bekerja, pengetahuan kerja dan sikap kerja. Lulusan aliran ini merupakan pekerja separuh mahir dalam bidang kejuruteraan, ekonomi rumah tangga dan pertanian. Mereka dianugerahkan SKM1 dan SKM2. Ringkasnya standard kurikulum sedia ada dalam sistem pendidikan kebangsaan tidak menepati tekad inisiatif transformasi pendidikan vokasional untuk merekayasa institusi pendidikan vokasional supaya benar-benar berupaya menempa pekerja mahir berjati diri, berpengetahuan dan berkemahiran vokasional yang diiktiraf oleh industri, IPT dan masyarakat dalam dan luar negara.

2.2.2 Objektif Perlaksanaan Kurikulum Kolej Vokasional

Kurikulum KV dirangka dalam konteks matlamat umum sistem pendidikan kebangsaan untuk membentuk modal insan bersahsiah, berilmu dan berkemahiran tinggi. Matlamat umum tersebut direalisasikan dengan perencanaan dan pelaksanaan usaha pendidikan dan latihan untuk mencapai objektif. Antara objektif dalam perlaksanaan kurikulum kolej vokasional ialah untuk melahirkan pelajar berkemahiran pekerjaan aras tinggi dan menepati kehendak industri. Selain itu, melalui kurikulum KV ini dapat memupuk watak professional dalam kalangan pelajar. Melahirkan pelajar berkemahiran usahawan berdaya saing dalam bidang

vokasional pilihannya. Membekalkan ilmu untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Memupuk kecintaan kepada pembelajaran sepanjang hayat.

2.2.3 Konsep Kurikulum Kolej Vokasional

Kurikulum Kolej Vokasional ialah kurikulum pendidikan khusus untuk pelajar yang mengikuti pendidikan dan latihan vokasional pascamenengah di Kolej Vokasional (KV). Kurikulum KV digubah mengikut standard kompetensi bekerja yang ditetapkan oleh organisasi standard pekerjaan dan aras pembelajarannya menepati keperluan Kerangka Kelayakan Malaysia tahap 1 hingga tahap 4 (KPM, 2011).

Antara ciri utama yang terdapat di dalam Kurikulum KV ialah pembelajaran di kolej vokasional adalah berorientasikan pembelajaran berasaskan pekerjaan. Selain itu, kandungan pembelajaran berasaskan kompetensi bekerja, kompetensi keusahawanan dan kompetensi insaniah dengan nisbah dimensi teori-amali ialah 30:70. Manakala nisbah bagi komponen akademik ialah 30 peratus dan komponen vokasional ialah 70 peratus. Melalui konsep kurikulum ini akan merentasi tiga domain iaitu jati diri (*hearts-on*), ketajaman minda (*hearts-on*) dan kecekatan (*hands-on*) (KPM, 2011).

2.3 Komponen Kurikulum Kolej Vokasional

2.3.1 Komponen Jati Diri

Kekukuhan jati diri dalam kalangan generasi muda sering kali menjadi kebimbangan masyarakat. Perkara tersebut memandangkan generasi muda lazimnya terkenal dengan sifat-sifat seperti ingin mencuba suatu yang baru dan mudah terikut-ikut. Dari sudut yang lain, generasi muda juga merupakan generasi harapan bangsa yang bakal menerajui negara pada masa akan datang. Jati diri selalunya dikaitkan dengan akhlak dan maruah individu, masyarakat atau negara. Menurut Bakar (2010), pembentukan jati diri merupakan proses untuk memantapkan keyakinan masyarakat terhadap sistem kepercayaan yang di anuti masyarakat kerana apabila setiap anggota masyarakat berpegang teguh pada ajaran agama, maka mereka tidak akan melakukan perkara yang tidak baik.

Jati diri juga disebut sebagai identiti yang merujuk kepada identiti diri atau keperibadian diri yang sebenarnya yang dimiliki oleh seseorang, bukan sahaja

terlihat secara lahiriah, tetapi termasuk juga nilai-nilai yang menjadi pegangannya (Othman *et al.*, 2010).

Huang (2005) berpendapat identiti ialah kategori keahlian yang terbina secara sosial manakala jati diri melibatkan perkara-perkara seperti kedaulatan, bidang kuasa wilayah dan kewarganegaraan. Oleh itu dalam kajian ini untuk komponen jati diri penyelidik fokus kepada tiga aspek iaitu aspek komunikasi, patriotism dan sahsiah.

(i) Aspek Komunikasi

Kemahiran komunikasi ialah kehendak dan keupayaan untuk berkomunikasi. Dengan itu, makna daripada penyampai mesej dapat difahami oleh penerima mesej dan begitulah sebaliknya, yang mana penyampai mesej juga dapat memahami makna daripada penerima mesej. Rider (2006) mentakrifkan kompetensi komunikasi sebagai keupayaan mencapai matlamat komunikasi juga dikenali sebagai matlamat interaksi yang boleh dicapai dalam konteks sosial tertentu, menggunakan cara yang diterima dan menghasilkan natijah yang positif dan signifikan kepada orang lain. Kesemuanya ini terangkum sebagai kompetensi komunikasi. Kemahiran komunikasi yang baik adalah asas dalam setiap perhubungan dan ia adalah kunci kepada kejayaan (Idris *et al.*, 2009).

Kemahiran berkomunikasi merupakan elemen yang penting dalam proses kehidupan manusia. Menurut Yusof (2003), komunikasi melibatkan penyampaian idea dan perasaan kepada pihak lain. Tanpa berkomunikasi, maklumat tidak dapat disampaikan daripada satu pihak kepada pihak yang lain. Kita berkomunikasi kerana kita ingin mempengaruhi pemahaman, sikap dan tindakan pihak lain sama ada mereka bersetuju atau tidak ke atas sesuatu isu sebagaimana yang kita kehendaki. Proses komunikasi ini dapat berlaku pada bila-bila masa dan tidak dapat dielakkan oleh mana-mana individu (Yaacob, 2001). Manusia akan sentiasa berkomunikasi dalam kehidupan sehariannya sama ada sesama manusia bahkan dengan penciptanya.

Menurut kajian Koh Chee Kiat (2000), tanpa komunikasi dua hala, sesi pengajaran dan pembelajaran tidak mungkin mendapat keberkesanan. Dalam kajian Saodah Wok *et.al* (2003) menyatakan bahawa kemahiran berkomunikasi ialah proses penyampaian sesuatu mesej melalui pelbagai perantara sama ada secara tulisan, pertuturan atau bahasa badan. Selain daripada itu, Amin & Fadila (2010) pula menyatakan membaca artikel berbahasa Inggeris dalam internet menggalakkan

berpandangan jauh. Selain itu melalui kajian Idrus *et al.*, (2011), yang menyatakan persekitaran yang baik perlu disediakan untuk menggalakkan penguasaan Bahasa Inggeris supaya perkembangan bahasa tersebut dapat berjalan dengan lancar. Menurut Abdullah (2010), kualiti perkembangan sosial dan pengajaran dalam sesebuah organisasi ditentukan oleh mekanisme hubungan sosial yang dibina dalamnya seperti penggunaan bahasa yang berkesan, proses interaksi, komunikasi terbuka dan kemahiran lisan.

(ii) Patriotisme

Salah satu matlamat penting dasar pendidikan negara adalah untuk mewujudkan suatu identiti bangsa atau sebagai alat untuk pembinaan bangsa. Rashid (2001), menyatakan semangat patriotisme perlu disemat dalam diri seseorang sebagai nilai jati diri. Pendidikan Sejarah dapat memainkan peranan sebagai alat pembinaan bangsa apabila digunakan dengan efektif dan bertanggungjawab (Osman, 2004). Kekuatan sesebuah Negara perlu dibina dengan menguatkan semangat patriotism dan cintakan Negara dalam kalangan pemimpin dan rakyat (Rashid, 2001).

Pendidikan Sejarah ialah asas penting dalam pembinaan bangsa Malaysia. Mempelajari Sejarah bukanlah semata-mata untuk mendapatkan pengetahuan tetapi boleh menjadi pedoman dan memberi iktibar kepada sesuatu bangsa tentang apa yang telah berlaku. Apa yang berlaku perlu dinilai semula bagi tujuan merancang perubahan masa depan (Aziz & Ismail, 2007). Oleh sebab sejarah memberikan banyak pengajaran yang berkait dengan jatuh bangunnya sesuatu bangsa dan negara. Maka, Sejarah patut dijadikan garis panduan untuk pembinaan semula kedudukan dan kekuatan bangsa dan negara.

Muslim & Alias (2004), menyatakan bahawa patriotisme membawa erti fahaman atau pegangan serta kepercayaan yang menggabungkan individu, kelompok dan wilayah di mana kelompok tersebut menghuni. Semangat Patriotisme merangkumi kecintaan dan kesetiaan terhadap negara serta mengamalkan semangat kekitaan dan berbangga menjadi rakyat Malaysia (Saat, 2008). Untuk menjadi bangsa Malaysia yang bersedia untuk berjuang, berkorban dan bertempur di seluruh medan kehidupan termasuk bidang-bidang kritikal seperti keilmuan, keagamaan, ekonomi, perdagangan, sahsiah dan diplomasi antarabangsa (Mahadi, 2005).

Pembentukan warganegara Malaysia yang mempunyai semangat patriotik adalah berasaskan amalan ciri-ciri berikut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2004):

(a) Bersemangat cinta akan negara dan bangsa

Seseorang yang bersemangat cinta akan negara dan bangsa harus menunjukkan sifat atau amalan bertanggungjawab untuk mewujudkan kesejahteraan dan membawa kemajuan kepada negara dan bangsa, berani dan sanggup mempertahankan kedaulatan negara dan bangsa serta sedia berkorban untuk negara dan bangsa.

(b) Berbangga sebagai rakyat Malaysia

Sebagai seorang rakyat Malaysia, seseorang itu haruslah mempertahankan dan menyanjung perlembagaan negara, menghormati raja dan pemimpin negara, menghormati lambang-lambang negara seperti bendera dan lagu kebangsaan, mengamalkan perlakuan yang bersopan dan bertatasusila serta mengenal dan menghayati warisan budaya tempatan.

(c) Bersemangat kekitaan

Rakyat Malaysia perlu bersatu dan berharmoni, bertoleransi, bekerjasama dan tolongmenolong, hormat-menghormati, bersefahaman dan bermuafakat, mempunyai semangat muhibah dan bersifat kasih sayang.

(d) Berdisiplin

Rakyat yang berdisiplin adalah mereka yang mematuhi peraturan dan undang-undang, bertanggungjawab, bertindak secara wajar, bersifat ikhlas, jujur dan amanah, berlaku adil dan bertimbang rasa.

(e) Berusaha dan produktif

Mereka yang berusaha dan produktif adalah mereka yang rajin, tekun dan gigih, berdikari, sentiasa mempertingkatkan usaha, tabah menghadapi cabaran, menyokong dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan negara, serta peka terhadap isu-isu semasa dalam dan luar negara seperti isu pemeliharaan alam sekitar.

(iii) Sahsiah

Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral membentuk personaliti pelajar yang mencakupi aspek emosi, intelek, rohani dan jasmani seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sahsiah yang baik boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan (Buntat & Sanapi, 2005). Othman (2006), menyatakan bahawa sahsiah diri merujuk kepada penekanan kepada pembentukan dan peningkatan peribadi dan budi pekerti mulia. Selain itu juga, Abd. Rahim (2001), menyatakan bahawa nilai murni adalah asas bagi membina individu dan masyarakat yang sejahtera yang bebas dari penyakit sosial dan krisis moral.

Nilai berhemah tinggi adalah nilai peribadi atau nilai personal yang ada pada individu yang mempunyai cita-cita dan perjuangan yang mulia (Rashid, 2001). Mustari (2010), menyatakan bahawa pelajar tidak menggunakan kemudahan sekolah atau asrama seperti menggunakan hak milik mereka sendiri. Sahsiah pelajar perlulah dipupuk dan dibentuk melalui proses pendidikan bagi mencorakkan insan yang kuat, bermoral, sanggup hadapi cabaran dan berkebolehan menyelesaikan konflik dan krisis yang dihadapi (Rashid, 2001).

2.3.2 Komponen Ilmu

Secara umumnya, ilmu didefinisikan sebagai pengetahuan dan kepandaian mengenai sesuatu bidang yang disusun secara bersistem menurut kaedah dan metod tertentu yang dapat digunakan untuk menerangkan yang berkaitan dengan bidang ilmu tersebut.

(i) Aplikasi Komputer

Computer literacy ialah kebolehan dan keupayaan untuk menggunakan sebaiknya teknologi maklumat berasaskan komputer bagi tujuan mendapatkan semula data, menyimpan dan menghantar maklumat yang membolehkan seseorang individu itu berfungsi secara efektif di dalam kumpulan, masyarakat termasuklah di tempat kerja (Gani *et al.*, (2006). Menurut Suhadi (1999), penguasaan pelajar dalam penggunaan komputer dalam proses pembelajaran dianggap sebagai matlamat yang perlu dicapai (*attainment target*) dalam pembentukan kurikulum masa kini. Zuhairi *et al.*, (2009) menyatakan bahawa integrasi yang positif antara pendidikan dan komputer secara tidak langsung telah mengiktiraf kepentingan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

(ii) Kreativiti

Kreativiti merupakan gabungan imaginasi, taakulan, ketambahan yang mana idea baru atau asli boleh serta merta kepada seseorang individu (Hamid, 2004). Kreatif bermaksud kebolehan atau keupayaan untuk mencipta, mewujudkan dan menghasilkan sesuatu yang baru dalam bentuk baru melalui kemahiran imaginasi yang melibatkan keupayaan berfikir yang dapat melahirkan idea baru yang unik dan menarik, keupayaan berfikir secara kritikal dan membuat penilaian secara analitikal terhadap idea dan seterusnya mengemukakan cadangan penyelesaian serta keupayaan berfikir secara praktikal yang dapat menterjemahkan idea dan teori kepada bentuk aplikasi. Said et al (2008), menyatakan bahawa jika seseorang itu boleh menghasilkan sesuatu idea yang bernas yang tidak pernah terfikir oleh orang lain maka ideanya itu adalah idea kreatif. Kreativiti tahap tinggi amat memerlukan pemikiran logik-kritis kerana idea yang asli belum tentu boleh berjaya jika ia dipasarkan (Hamid, 2004).

Menurut Beghetto (2005), elemen kreatif melibatkan keupayaan berfikir yang dapat melahirkan idea yang baru, unik dan menarik. Ia juga melibatkan keupayaan berfikir secara kritikal dan membuat penilaian secara analitikal terhadap ideadan seterusnya mengemukakan cadangan penyelesaian dan ia juga melibatkan keupayaan berfikir secara praktikal yang mampu menterjemahkan idea dan teori kepada bentuk aplikasi. Dalam konteks kajian ini, kreatif adalah dimana keupayaan pelajar dalam mengolah pengajaran dan pembelajaran serta cara dan kebiasaan diri dalam mengembangkan daya kreativiti mereka sendiri. Menurut Hidayat (2011), kreativiti dibahagikan kepa beberapa kaedah dalam menghasilkan satu pemilihan produk yang paling efektif. Kreativiti dikaitkan dengan cara minda digunakan dan kebolehan seseorang menggunakan kemahiran yang ada dalam dirinya.

Pemikiran kreatif dianugerahkan oleh Allah s.w.t kepada semua manusia, apa yang membezakan seseorang itu ialah kecenderungan dan keupayaan seseorang itu berkreativiti banyak bergantung kepada faktor diri, persekitaran dan jenis masalah yang dihadapi. Selain itu, kebolehan dan bakat kreatif mestilah dipupuk dan dibaja dengan betul dengan pendekatan yang sesuai dan bersistem. Personaliti individu yang kreatif memiliki peribadi yang unik. Unik bermakna lain daripada yang lain, ia terdiri daripada perspektif cara berfikir, bertindak dan bertindak balas dengan persekitarannya (Hamid, 2001). Kreativiti merupakan suatu kebolehan berfikir dan bertindak yang tidak berasaskan logik biasa kerana logik bersifat "penilaian"

(*judgemental*). Tetapi itu tidak bermakna kreativiti tidak memerlukan pemikiran kreatif dan analitis. Kreativiti tahap tinggi amat memerlukan pemikiran logik-kritis kerana idea yang asli belum tentu boleh berjaya jika ia dipasarkan (Ismaimuza, 2013).

Menurut Saadatian (2011), Wawasan 2020 merupakan satu gerakan kebangsaan baru yang menuntut komitmen dan kemahuan seluruh rakyat supaya berada di depan bersama dunia yang berubah dengan cepat. Dalam kenyataan Rancangan Malaysia Ke-9 ada menyebut tentang modal insan merupakan aset kepada negara. Pembangunan modal insan memerlukan beberapa perkara yang asas bagi 3 membolehkan kualiti diri memberi kesan perubahan terhadap yang lain. Proses pengilmuan dan pendidikan menjadi asas penting bagaimana kualiti insan dibangunkan dan kualiti kemanusiaan disuburkan. Aspek lain yang penting dalam kehidupan kita adalah kemahiran berfikir secara kreatif. Ia perlu ada supaya modal insan sentiasa mampu memberikan idea bernas dan dapat mengatur strategi bagi menghadapi kerenah zaman dan cabaran semasa. Dalam memastikan kerajaan mencapai objektifnya seperti salah satu perkara yang dimatlamatkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9, iaitu untuk melahirkan modal insan yang cemerlang, maka pendidik mempunyai tanggungjawab yang berat untuk membantu kerajaan membentuk generasi yang mampu menggunakan pemikiran dan berkreativiti dengan cara yang betul dan berkesan untuk digunakan dalam proses membentuk insan yang cemerlang kelak.

(iii) Inovasi

Inovasi menurut Ismail & Hamzah (2012) adalah proses pembaharuan, modifikasi atau membaiki idea, benda, ilmu dan ciptaan seni budaya tamadun dengan tujuan memenuhi fungsi-fungsi tertentu atau memenuhi cita rasa tertentu atau memenuhi pasaran tertentu. Dalam konteks kajian ini inovasi adalah merupakan suatu pembaharuan kreatif yang digunakan oleh seseorang guru untuk memastikan hasil pembelajaran tercapai (Shanizan, 2012). Hamid (2001), menyatakan bahawa inovasi merupakan nilai tambah daripada sesuatu invesyen dan idea kreatif. Inovasi amat mementingkan nilai tambah dan nilai komersial selain pembangunan sistem dan teknologi.

2.3.3 Kompetensi Kompetitif

Othman (2012), menyatakan kejayaan sesebuah organisasi bukan sahaja bergantung kepada sejauh mana inovatif, setinggi mana kreativiti dan kepakaran yang dimiliki tetapi bergantung kepada kompetensi teras.

(i) Kompetensi Bekerja

Kompetensi adalah kemampuan untuk melaksanakan sesuatu tugas yang mencakupi aspek pengetahuan, ketrampilan dan sikap yang didasarkan kepada pengalaman dan pembelajaran yang dilakukan (Dobois & Rothwell, 2004). Menurut Nasir & Nabil (2012), menyatakan bahawa negara kita masih kekurangan tenaga mahir kerana sebilangan tenaga mahir yang terlatih dan pakar tempatan memilih untuk bekerja di luar negara. Kompetensi bekerja ialah terdiri daripada sekelompok ilmu pengetahuan, kognitif, interaktif, afektif, keupayaan psikomotor dalam melaksanakan suatu tugas atau menyelesaikan masalah (Awang *et al*, 2008). Dalam kajian Ab. Halim (2013), menyatakan bahawa kompetensi boleh dipelajari daripada proses pembelajaran seperti jangkauan, persepsi dan pengkodan makna.

(ii) Kompetensi Keusahawanan

Keusahawanan merupakan bidang kerjaya yang sangat penting di negara ini. Kerajaan bermatlamat menjadikan bidang keusahawanan terutamanya sektor industri kecil dan sederhana sebagai penyumbang utama peluang pekerjaan baru, dan seterusnya membantu perkembangan ekonomi negara pada abad ke-21. Selain itu, Bidang keusahawanan adalah salah satu bidang yang amat penting dalam menjana ekonomi negara. Kini, kemahiran keusahawanan merupakan titik tambah kepada pelajar dalam membentuk masa depan mereka. Pelbagai usaha dijalankan bagi mencapai matlamat tersebut. Antaranya ialah usaha-usaha khusus yang dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pertanian, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan.

Usaha membudayakan keusahawanan di kalangan rakyat di negara ini juga dilakukan oleh Kementerian Pendidikan di peringkat sekolah. Budaya keusahawanan

mula disemai seawal sekolah rendah dengan memperkenalkan unsur-unsur keusahawanan dalam mata pelajaran matematik. Pembudayaan keusahawanan terus diterapkan di sekolah menengah rendah melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu bermula tahun 1991. Usaha membudayakan keusahawanan diteruskan di peringkat sekolah menengah atas apabila pelajar diberi peluang memilih untuk mengikuti pendidikan perdagangan dan keusahawanan melalui mata pelajaran elektif vokasional dan teknologi.

Institusi pendidikan dan latihan perlu memainkan peranan dalam membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar dalam menjana kemakmuran dan pertumbuhan ekonomi negara. Menurut Hawa & Idris (2006), terdapat banyak cara yang boleh dilakukan oleh pihak universiti dalam membantu pelajar menceburi bidang keusahawanan ini. Menurutnya lagi, seorang pelajar memerlukan kemahiran keusahawanan untuk berjaya dalam apa jua bidang yang diceburinya. Ini boleh dirujuk pada ciri-ciri usahawan itu sendiri, di mana seorang usahawan perlulah kreatif, mempunyai daya imaginasi yang tinggi, inisiatif dan mampu membuat perubahan dan menggunakan peluang yang ada dengan baik (Nawang *et al.*, 2009). Menurut Warman *et al.*, (2010), Kemahiran keusahawanan merupakan kemahiran yang penting di antara kemahiran insaniah (*soft skills*) yang harus dimiliki oleh para pelajar samada dari peringkat pengajian rendah mahupun peringkat pengajian tinggi.

Abu *et al.*, (2007), menyatakan bahawa penerapan elemen keusahawanan menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran di IPTA berada di tahap sederhana. Warman *et al.* (2010), menyatakan bahawa untuk meningkatkan minat pelajar di Politenik Merlimau tentang bidang keusahawanan ialah dengan mengadakan program yang berkaitan dengan keusahawanan. Menurut Nasharudin & Harun (2010), menyatakan aspek keusahawanan perlu di terap dalam subjek di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi bagi menarik minat mereka dalam bidang keusahawanan.

(iii) Kompetensi Insaniah

Menurut Abu *et al.*, (2008), kompetensi insaniah merupakan kemahiran yang sering kita praktik seharian namun kadang kala sesetengah orang tidak menyedari bahawa kemahiran tersebut telah kita amalkan dan terapkan setiap hari dalam setiap aspek kehidupan. Manakala menurut Mansor (2008) pula, kompetensi insaniah dianggap kemahiran yang sangat diperlukan dalam bidang industri dan program-program latihan

amat dititikberatkan oleh pihak majikan. Pua (2014), menjelaskan bahawa kompetensi insaniah merupakan kemahiran yang perlu dimiliki oleh seseorang untuk berfungsi dengan berkesan sewaktu melakukan pekerjaan mengikut kemahiran-kemahiran khusus yang dimiliki. Kompetensi insaniah boleh berkembang melalui proses semula jadi seperti tumbesaran, kematangan dan penuaan (Padli & Esa, 2011).

Kompetensi insaniah merupakan set kemahiran yang bertujuan untuk melengkapkan pembentukan insan supaya seimbang serta harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal, berasaskan pegangan teguh dan kepercayaan kepada Tuhan (Esa *et al.*, 2013). Oleh yang demikian, kemahiran insaniah dapat dijelaskan sebagai kemahiran yang terdapat pada diri seseorang secara semula jadi atau dilatih seperti kemahiran interpersonal, komunikasi, menyelesaikan masalah, menggunakan idea dan teknik matematik dan lain-lain lagi. Dalam usaha untuk mencapai falsafah pendidikan negara bagi melahirkan rakyat yang berilmu dan modal insan yang berkualiti, pelbagai kemahiran dan keperluan pendidikan perlu dilaksanakan merangkumi aspek rohani, jasmani, intelek dan emosi (Malaysia, 2001).

Penekanan aspek kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa bukan sekadar memenuhi kehendak institusi, malah adalah untuk melahirkan modal insan kelas pertama yang mampu berdaya saing, cekap, tahan lasak dan fleksibel apabila berhadapan dengan situasi di alam pekerjaan (Esa *et al.*, 2013). Malaysia, (2006) telah menetapkan tujuh elemen yang utama di dalam kemahiran insaniah antaranya ialah kemahiran berkomunikasi, kemahiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral professional dan juga kemahiran kepimpinan. Di dalam komponen kompetensi insaniah dalam kajian ini mengandungi tiga elemen iaitu kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat dan kemahiran kepimpinan.

(a) Kemahiran kerja berpasukan

Kemahiran kerja berpasukan melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosio budaya untuk mencapai matlamat yang sama (Malaysia, 2006). Azmi (2006) telah menggariskan kriteria dalam kemahiran kerja berpasukan iaitu menolong kumpulan membentuk matlamat pasukan, bersedia untuk melepaskan matlamat personal demi matlamat pasukan, memberikan sokongan

RUJUKAN

- Abdullah, C. A., Qistina, N., Daud, T., & Has'wadi, T. M. (2010). Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Kursus Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan, Utm. *Penerapan Kemahiran Generik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Pelajar Tahun Akhir Kursus Kemahiran Hidup Fakulti Pendidikan, Utm*, 1-9.
- Abdullah, F. (2013). Tahap kecekapan pensyarah teknologi automotif dalam melaksanakan Kurikulum Standard Kolej Vokasional di Negeri Pahang (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Utusan Publications.
- Abdul Ghafar, M.N.(1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan, Soal Selidik Pendidikan*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Razzaq, A. R., Sawah, S., Md. Yunus, J. & Hashim, J. (2008). Penerapan Dan Penguasaan Kemahiran Generik Dalam Proses P&P Bagi Program Pengurusan Hotel Dan Katering Di Politeknik Ke Arah Keperluan Industri. Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial. Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ab Halim, F. (2013). *Kemahiran kebolehgajian, estim sendiri dan efikasi sendiri pelajar teknikal dan vokasional yang bermasalah pendengaran di Politeknik dan Kolej Komuniti, Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Abu, B., Johan, O. M., Mansor, P. S. M. S. S., & Jaafar, H. (2007). Kepelbagaian Gaya Pembelajaran Dan Kemahiran Belajar Pelajar Universiti Di Fakulti Pendidikan, UTM Johor.
- Abu, M. S., Kamsah, M. Z., & Razzaly, W. (2008). Laporan Kajian Soal Selidik Penerapan Kemahiran Insaniah (KI) di kalangan Pelajar dalam Aktiviti Pengajaran & Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Putra Jaya: Jawatankuasa Penerapan Kemahiran Insaniah Kebangsaan*.
- Adnan, N. A. (2005). Profil Kemahiran Generik Pelajar Aliran Teknikal Di Politeknik. *Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana Pendidikan*.
- Aladdin, A. (2012). Analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan Bahasa Arab. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 12(2 (special edition)), 645-666.

- Alvarez, R. M. & Nagler, J. (2005). A Method for Weighting Survey Samples of Low Incidence Voter. Paper prepared for the 2005 Political Methodology Summer Meeting, Tallahassee, Florida July, 2005
- Aziz, A., Azlina, N., & Abd Hamid, H. (2004). *Kemahiran Berfikir Secara Kreatif Dan Kritis Dalam Pembelajaran Kemahiran Hidup Elektif Ekonomi Rumahtangga Pelajar Tingkatan 2 Daerah Kota Setar noor* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Aziz, Z., & Ismail, N. A. N. (2007). Kajian tinjauan kesediaan guru-guru sejarah menerapkan kemahiran pemikiran sejarah kepada para pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 32, 119-137.
- Azmi, N., Rahman, A., & Anuar, M. (2006). *Hubungan antara komitmen ahli pasukan dengan keberkesanan pasukan kerja dalam jabatan sains dan matematik di daerah Tumpat*.
- Awang, A. H., Hamzah, A., Ismail, R., & Uli, J. (2004). Kemahiran Bolehkerja: Keseimbangan Antara Tuntutan Majikan dan Penguasaan Pelatih. *Dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Penyelidikan Siswazah Pengajian Pendidikan, UPM, 11*.
- Baba, A. (1997). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, (2012). *Tranformasi Pendidikan Vokasional Vokasional*.
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, (2013). *Syarat Kemasukan Kolej Vokasional*.
- Bakar, I. (2010). Sejarah kepimpinan dan politik ke arah pembentukan jati diri kebangsaan. Ed). *Mohd Yusof Osman, Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari Bangi: (Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, h197-120*.
- Burbank, H. 2010. German national identity: patriotism and stigma. *Stanford undergraduate Research Journal*, 9.
- Beghetto, R. A. (2005, September). Does assessment kill student creativity?. In *The Educational Forum* (Vol. 69, No. 3, pp. 254-263). Taylor & Francis Group.
- Buntat, Y., & Sanapi, R. (2003). Tahap Penghayatan Nilai-Nilai Murni di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Teknologi serta Pendidikan Semasa Menjalankan Kerja Amali Bengkel. *Jurnal Teknologi E*, (39E), 63-76.
- Cushman, A., Fleming, M., Rosser, B., Hunter, R., & Harris, K. (1999). The knowledge management scenario: trends and directions for 1998-2003. *Strategic Analysis Report*, 18.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Creswell, J. (2003). *Research Design* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.

- Dahalan, A. F. (2006). Penggunaan Teknologi Dalam Pembelajaran Kejuruteraan Elektrik di Politeknik Malaysia. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Diniaty, F. Yulia. 2006. "Studi Korelasional Mengenai Hubungan Antara Rasa Keyakinan Akan Kompetensi Diri (Self-Efficacy) Dengan Kepemimpinan Politik Pada Perempuan Anggota DPR RI Masa Jabatan 2004-2009" hal. 1-15 dalam. *Jurnal Psikologi*, 17(1).
- Dubois, D., & Rothwell, W. (2004). *Competency-Based Human Resource Management: Discover a New System for Unleashing the Productive Power of Exemplary Performers*. Nicholas Brealey Publishing.
- Esa, A., & Mustafa, M. Z. (2010). *Kemahiran insaniah: kajian di institusi-institusi pengajian*. Penerbit UTHM.
- Esa, A. H. M. A. D., Padil, S. U. H. A. I. L. I., & Selamat, A. S. R. I. (2013). Kemahiran Insaniah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran pada Program Kejuruteraan di Politeknik Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 3(2).
- Gani, A. W. I., Siarap, K., & Mustafa, H. (2006). Penggunaan komputer dalam pengajaran-pembelajaran dalam kalangan guru sekolah menengah: Satu kajian kes di Pulau Pinang. *Kajian Malaysia*, 24(1&2), 203-225
- Ghani, A., Ruddin, M., Saad, M., Shamsuri, M., Hashim, R., Ismail, A. F., & Abu Bakar, A. (2003). PENINGKATAN PATRIOTISME DI KALANGAN BELIA/PELAJAR IPTA: KAJIAN KES KUTKM.
- Gillham, B. (2010). *Developing a Questionnaire*. 2nd ed. New York: British Library Cataloguing in Publication Data.
- Hadi, A., Yusop, M., Mohd Yunos, J., & Kaprawi, N. (2006). Penguasaan pengetahuan pembelajaran sepanjang hayat dan celik komputer di kalangan pelatih-pelatih pusat latihan kemahiran sebagai persediaan untuk menjadi pekerja berpengetahuan (K-Worker) di organisasi industry.
- Hamid, M. A. A. (2001). Pengenalan Pemikiran Kritis dan Kreatif. *Skudai: UTM*.
- Hamid, M. A. A. (2004). Kreativiti Konsep Teori & Praktis. *Malaysia, Cetak Ratu Sdn Bhd Bersandarkan Teknologi di KUKTEM—Satu Pemangkin Kepada Pelaksanaan Soft Skills. Malaysia*.
- Hancock, B. (2002). *An Introduction to Qualitative Research*. Division of General Practice University of Nottingham.
- Hawa, S., & Idris, M. (2009). *Kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar bidang kejuruteraan di Institusi Pengajian Tinggi Awam di kawasan utara semenanjung Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Utara Malaysia)
- Hidayat, W. (2011). *Meningkatkan Kemampuan Berpikir Kritis dan Kreatif Matematik Siswa Melalui Pembelajaran Kooperatif Think-Talk-Write (TTW)*.

- Huang, C. (2005). Dimensions of Taiwanese/Chinese Identity and National Identity in Taiwan A Latent Class Analysis. *Journal of Asian and African Studies*, 40(1-2), 51-70.
- Ibrahim, A. (2004). Penyelidikan kualitatif: Satu pengenalan ringkas. PROFES.
- Ibrahim, I. (2010). *Gagasan IMalaysia, peradaban dan identiti bangsa: pendekatan hadhari*. Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris, H., Safie, M., Sikor, H., Ariff, M., Zahara, S., & Mustafa, M. Z. (2008). Komunikasi interpersonal dalam pengajaran di kalangan guru-guru teknikal Sekolah Menengah Teknik di negeri Melaka.
- Idris, R., Ariffin, S. R., & Mohd Ishak, N. (2009). Pengaruh kemahiran generik dalam kemahiran pemikiran kritikal, penyelesaian masalah dan komunikasi pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). *Malaysian Journal of Learning & Instruction*, 6, 103-38.
- Idris, N. (2010). Penyelidikan Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur: McGraw-Hill.
- Idrus, H., Salleh, R., & Abdullah, M. R. T. L. (2011). Oral communication ability in English: An essential skill for engineering graduates. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 26(1), 107-123.
- Ismaimuza, D. (2013). Kemampuan Berpikir Kritis dan Kreatif Matematis Siswa SMP melalui Pembelajaran Berbasis Masalah dengan Strategi Konflik Kognitif. *Jurnal Teknologi*, 63(2).
- Ismail, M. H. (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Prosiding PERKEM VII, Jld,2(2010)*, 906-913.
- Ismail, Z. I., & Hamzah, R. (2012). *Pendekatan Pengajaran Pensyarah Jptk Dalam mendorong Menjana Pemikiran Kreatif Dan Inovatif dikalangan Pelajar*(Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Judge, S. K., Osman, K., & Yasin, S. F. (2010). Kesan Pembelajaran Berasaskan Masalah Berasaskan TMK ke atas Pencapaian, Sikap, Kemahiran Komunikasi dan Menyelesaikan Masalah pelajar dalam Mata pelajaran Biologi. In *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah. Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Junoh, H. (2011). *Faktor keruntuhan akhlak remaja Islam luar bandar di Daerah Kota Tinggi, Johor* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Kementerian Pelajaran Malaysia, (2011). Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional.
- Koch, E. (2003). Knowledge management and organizational learning: A reader.
- Koh chee kiat (2000). *Mengatasi Masalah Komunikasi Dengan Pelajar Sains*. SMK Kerian.

- Konting, M. M., & Kasa, Z. (2007). Penerapan hasil pembelajaran dan kemahiran insaniah dalam kurikulum pengajian tinggi.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educ Psychol Meas*.
- Landell, K. (1997). *Management By Menu*. London: Wiley and Sons Inc
- Lebar, O. (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Loose. (2001). Experience-Based Training for Malaysia: Private-Sector's Involvement in Training K-Workers. *Journal of Technical Education*, Vol. 3, No.1, 14 – 22.
- Madar, A. R., Aziz, A., Afzan, M., Razzaq, A., Rasid, A., Mustafa, M. Z., & Buntat, Y. (2008). Kemahiran employability bagi memenuhi keperluan industri.
- Mahadi, A. H. (2005). Semangat Patriotisme generasi muda melalau program latihan khidmat negara (PLKN).
- Malaysia, K. P. (2001). Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Matlamat dan Misi.
- Malaysia, K. P. T. (2006). Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. *Serdang: Universiti Putra Malaysia*, 1-52.
- Mansor, Z. (2008). *Pelaksanaan dan penilaian kemahiran insaniah dalam mata pelajaran kokurikulum di UTHM* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Marican, S. (2006). *Penyelidikan sains sosial: Pendekatan pragmatik*. Edusystem.
- Marohaini, Y. (2004). *Penyelidikan kualitatif: Pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Masri, S. (2005). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan: esei, proposal, tesis*. Utusan Publications.
- Mohd Majid. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Mohd Majid, K. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Musa, M., & Esa, A. (2011). Tahap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Elektrik serta Pendidikan, UTHM. *Journal of Techno-Social*, 1(1).
- Muslim, N., & Alias, J. (2004). Patriotisme: Konsep dan pelaksanaannya di Malaysia.
- Mustari (2010). Perencanaan Kurikulum Sekolah Menengah Kejuruan yang Sesuai Relevan dengan Dunia Kerja. *Wacana Indonesia*, vol. 1 no. 2, 89-97.

- Mustapha, R., Huasain, M. Y., Mokhtar, S. B., Bakar, E. A., & Safian, M. A. (2011). Kemahiran employability dari perpektif pelajar kejuruteraan. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (CIE-TVT 2011)*, 16-17.
- Nasharudin, N., & Harun, H. (2010). Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Malaysian Journal of Education (0126-6020)*, 35(1).
- Nasir, M., & Nabil, A. (2012). *Kajian jurang kemahiran bukan teknikal antara penguasaan pekerja mahir sektor elektronik dan kehendak majikan* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia, Faculty of Education).
- Nawang, W. M. Z. W., & Ramli, N. N. (2009). Nilai, sikap dan amalan pegawai kanan institut pengajian tinggi terhadap program pembangunan usahawan siswa. *Jurnal Kemanusiaan*, 14.
- Neuman, W. L. (2005). *Social research methods: Quantitative and qualitative approaches* (Vol. 13). Boston: Allyn and Bacon.
- Nor Suhaila, C. P., Junaini, K., Suzana, S., & Suhaidah, S. (2012). Makna tanpa kata-kata: peranan bahasa badan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa.
- Osman, M. T. (2004). *Globalisasi, patriotisme, dan isu-isu kemasyarakatan*. Penerbit Universiti Malaya.
- Othman, A. B. (2005). The National Dual Training System: An Alternative Mode of Training for Producing K-Workers in Malaysia. *Human Resource Development: Practices and Directions for a Developed Malaysia*. University Putra Malaysia Press Serdang, 3-8.
- Othman, M. I. (2006). *Menangani disiplin di sekolah*. Utusan Publications.
- Othman, L. (2009). Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod. *Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)*.
- Othman, M. (2012). *Tahap kompetensi pelajar melaksanakan kerja amali berpandukan Domain Psikomotor Simpson* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)
- Othman, M. Y., Dakir, J., Samian, A. L., Hasim, M. S., Awal, N. A. M., Yahya, S. A., & Bakar, M. A. (2012). Jati diri kebangsaan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi. *Jurnal Hadhari*, 67-78.
- Padil, S., & Esa, A. (2011). Aplikasi kemahiran insaniah dalam kurikulum program kejuruteraan di politeknik.
- Phang, J. (2001). Stage model for knowledge management. In System Sciences, 2001. Proceedings of the 34th Annual Hawaii International Conference On (pp. 10-pp). IEEE.

- Piaw, C. Y. (2006). Kaedah dan statistik penyelidikan. *Asas statistik penyelidikan. Malaysia: McGraw-Hill Sdn Bhd.*
- Pua, P. K. (2014). *Tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar kejuruteraan tahun akhir di Politeknik KPM* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Quek, A. H. (2005). Learning for the workplace: a case study in graduate employees' generic competencies. *Journal of workplace learning*, 17(4), 231-242.
- Rashid, A. R. A. (2001). Perubahan paradigma nilai: ke arah transformasi sosial dan pembentukan Malaysia baru.
- Rashid, A. R. A. (2001). Cabaran profesionalisme perguruan dalam era k-ekonomi. *Issues in Education*, 24, 53-72.
- Rosleh, I. (2010). Tranformasi PTV ke arah melahirkan modal insan kelas pertama. *edupress 2010*
- Royo, A., & Muda, S. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan kemahiran komunikasi di kalangan pelajar tahun 4 perdana Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kej. Awam, Kej. Elektrik, Kej. Jentera dan Kemahiran Hidup) di Universiti Teknologi Malaysia. *unspecified*, 1-9.
- Saad, N. (2009). Amalan kreativiti dan inovasi melalui Projek Sarjana Muda dalam kalangan pelajar kejuruteraan di UTHM (Doctoral dissertation, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn).
- Saadatian, O. (2011). Sustainable development in Malaysia-planning and initiatives.
- Saat, I. (2008). Pendidikan Negara Bangsa Malaysia.
- Sabitha, M. (2005). Kaedah Penyelidikan Sains Sosial.
- Sahari, J., Ihsan, A. K. A. M., Abdullah, S., Abdullah, S., Omar, M. Z., Wahab, D. A., & Mohamad, N. (2009). Kreativiti pelajar dalam penyelesaian masalah–kes reka bentuk kejuruteraan mekanik. In *Seminar Pendidikan Kejurutera dan Alam Bina, Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM* (pp. 96-101).
- Said, M. M. M., & Yunos, N. (2008). Peranan guru dalam memupuk kreativiti pelajar. *MALIM: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 9, 57-71.
- Saludin, M. N., Othman, N. A., & Mahmud, N. A. (2006). Sumbangan k-ekonomi dan k-worker dalam pembelajaran sepanjang hayat.
- Sang, M. S. (2010). Penyelidikan dalam Pendidikan, Perancangan dan Pelaksanaan Penyelidikan Tindakan. *Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.*
- Saadah Wok, Narimah Ismail dan Mohd Yusof Hussain (2003). *Teori-teori Komunikasi*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distribution Sdn.Bhd
- Schneckenberg, D. (2009). Web 2.0 and the empowerment of the knowledge worker. *Journal of knowledge management*, 13(6), 509-520.

- Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*, 2nd ed. New York: John Wiley & Sons, Inc
- Shanizan Herman, M. R., Mohammad Zukuwwan, Z. A., Mazlan, M. S., & Asif Zamri, Z. (2012). Model simulasi di dalam permainan board game: satu pendekatan pembelajaran inovatif di IPTA.
- Suhadi, N. (1999). *Tahap Penggunaan Komputer dalam Proses Penghasilan Bahan Pengajaran-Satu Tinjauan di Sekolah Menengah Daerah Hulu Langat* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia)
- Turner, M. I. (2000). *The role of higher education in workforce preparation: an assessment of the workplace skills desired by employers and perceived by graduates* (Doctoral dissertation, Georgia State University).
- Wahab, A., & Al-Amin, M. H. (2013). *Penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar bidang kejuruteraan mekanikal di UTHM* (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Wan, M. Z. M. N. (1993). *Wawasan pendidikan: Agenda pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Warman, S., Roddin, R., Esa, A., Awang, H., Mohamed, M., & Ab Rahman, A. (2010). Penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar di politeknik.
- Yahaya, A. (2006). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: teori, analisis & interpretasi data*. PTS Professional.
- Yin, R. K. (2013). *Case study research: Design and methods*. Sage publications.
- Yusof, A. A. (2003). *Komunikasi untuk pengurus*. Utusan Publications & Distributors.
- Yusof, A. S. B., (2003). Pemupukan semangat patriotisme di kalangan pelajar sekolah menengah menerusi pengajaran dan pembelajaran sejarah-satu kajian kes tingkatan dua (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris)
- Zuhari, A., Zubaidah, S., & Ab Rahman, A. (2009). Technology task pelajar kolej komuniti luar bandar.